

PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA DUA

YB Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Dua bagi negeri Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang berkuat kuasa pada 5 Julai 2021.

Selaras dengan itu, **pengoperasian pejabat Kerajaan** bagi negeri-negeri terlibat akan terus dilaksanakan **secara hibrid** melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan berikut:

- a) kehadiran di pejabat **tidak melebihi 40%** bagi keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan) dan **60% BDR** secara penggiliran;
- b) Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan **secara dalam talian** melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
- c) Perkhidmatan **kaunter adalah dibuka dan tertakluk seperti mana arahan pada 29 Jun 2021**;
- d) Kehadiran ke pejabat perlu **disertai** dengan **dokumen arahan rasmi** dan **pas pekerja**; dan
- e) Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Arahan ini terpakai bagi **mana-mana negeri** yang beralih ke **PPN Fasa Dua**.

Tan Sri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
4 Julai 2021